



SIARAN MEDIA

MAKLUMAN PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS DAN PENETAPAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)

1. Merujuk kepada SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan pada 12 Mei 2021, **semua Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Institusi Latihan Kemahiran, Pusat Tahfiz serta Institusi-Institusi Pendidikan lain ditutup bagi tempoh empat (4) minggu bermula 12 Mei 2021 hingga 7 Jun 2021**. Semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dibawah kawal selia Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dikehendaki meneruskan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian semasa tempoh PKP.
2. Sehubungan itu, pengendalian aktiviti PdP ASWARA akan dijalankan secara dalam talian sepenuhnya bermula **24 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021** dan sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan kerajaan dari semasa ke semasa. Semua aktiviti secara bersemuka adalah **tidak dibenarkan**.
3. Keputusan ini adalah selaras dengan situasi semasa bilangan kes harian COVID-19 yang kian meningkat dan PKP yang sedang berkuat kuasa. ASWARA akan sentiasa mengutamakan kebajikan dan keselamatan para pelajar dalam mendepani cabaran norma baharu.

19 Mei 2021

**ASWARA MENANJAK KREATIVITI INSAN
ASWARA MELANGKAH KE HADAPAN BERSAMA TRADISI
PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

464, Jalan Tun Ismail,

50480 Kuala Lumpur

Telefon : 03 2778 03 2278 5920/ 5921/ 5922/ 5923

Faks : 03-2778 5903

Emel : korporat@aswara.edu.my

Laman Web : www.aswara.edu.my



1. MENGAPA ASWARA MENGELOUARKAN MAKLUMAN PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS DAN PENETAPAN PENGUKUHAN PELAJAR ASWARA?

Bagi memastikan perihal keselamatan para pelajar ASWARA, pengurusan ASWARA mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 berikutan kenaikan kes positif COVID-19 secara mendadak sejak akhir-akhir ini.

2. BOLEHKAH PELAJAR YANG BERKEPERLUAN KHAS KEMBALI KE KAMPUS ASWARA SELEPAS 7 JUN 2021?

Perkara ini bergantung kepada keadaan semasa serta arahan dari Kerajaan dari semasa ke semasa. Sebarang makluman terkini akan dimaklumkan melalui Portal Pelajar dan medium rasmi ASWARA seperti Laman Web, Facebook, Twitter dan juga Instagram rasmi ASWARA.

3. APAKAH KAEDAH PDP YANG AKAN DIGUNAKAN SEMASA PENUTUPAN KAMPUS SEPANJANG TEMPOH PKP?

Kaedah PdP akan dijalankan secara dalam talian sepenuhnya. Para pelajar boleh merujuk kepada Fakulti masing-masing untuk tindakan selanjutnya.

4. BAGAIMANA DENGAN PROJEK PENILAIAN TAHUN AKHIR (PeTA) PELAJAR YANG TELAH DIRANCANG SECARA BERSEMUKA SEBELUM INI?

Pelaksanaan PeTA telah diputuskan secara TIDAK BERSEMUKA dan untuk makumat lanjut mengenai pelaksanaannya pelajar terlibat boleh merujuk kepada Fakulti masing-masing.

5. APAKAH INISIATIF ASWARA DALAM MEMBANTU PELAJAR SEWAKTU DALAM TEMPOH PDP ATAS TALIAN?

Dalam usaha meringankan beban pelajar untuk menanggung kos bagi mengikuti PdP secara dalam talian, seramai 1281 pelajar ASWARA akan diberikan Paket Pelan Data Internet yang bernilai RM 45.00 setiap bulan untuk tempoh enam (6) bulan.

Bantuan ini akan disalurkan ke dalam akaun pelajar dalam masa terdekat.

6. BAGAIMANA DENGAN BARANG-BARANG PERIBADI PELAJAR YANG MASIH BERADA DI ASRAMA ASWARA?

Barang-barang peribadi pelajar yang ditinggalkan di asrama ASWARA akan kekal selamat di dalam bilik asrama di bawah pemantauan Felo Asrama Seniman dan Seniwati.

Kebenaran untuk kembali semula ke kampus akan dimaklumkan berdasarkan ketetapan tarikh dan masa yang akan ditentukan oleh ASWARA kelak.

ASWARA MENANJAK KREATIVITI INSAN

ASWARA MELANGKAH KE HADAPAN BERSAMA TRADISI

PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
464, Jalan Tun Ismail,
50480 Kuala Lumpur

Telefon : 03 2278 5920/ 5921/ 5922/ 5923

Faks : 03 2778 5903

Emel : korporat@aswara.edu.my



[Facebook/aswara.edu.my](https://www.facebook.com/aswara.edu.my)



[aswaraofficial](https://www.instagram.com/aswaraofficial/)



[ASWARA_official](https://www.youtube.com/channel/UCtjyfzXGKuLcOOGvDQmCw)



[@ASWARA_official](https://twitter.com/ASWARA_official)



www.aswara.edu.my